

PERPUSTAKAAN PINTAR PEMERINTAH DAERAH
DAERAH KERJA KEMENTERIAN SELANGOR DAN KUALA LUMPUR
PELANGONG ASING DI NEGERI TERENGganu

KADUNGAN BUKU MAS

PUSAT PENGETAHUAN DAN SAINS MALAYSIA
JALAN 14/200, 81100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM, MALAYSIA

2006

LP 12 FASM 3 2006



1100089963

Perbandingan faktor-faktor pemilihan tempat makan di kalanga pelancong tempatan dan pelancong asing di negeri Terengganu Khadijaimi Imas.



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089963

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

PERBANDINGAN FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN TEMPAT MAKAN
DI KALANGAN PELANCONG TEMPATAN DAN PELANCONG ASING
DI NEGERI TERENGGANU

KHADIJAIMI BINTI IMAS

PROJEK PENYELIDIKAN yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan

FAKULTI AGROTEKNOLOGI DAN SAINS MAKANAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
MENGABANG TELIPOT
2006

Projek Ilmiah Tahun akhir ini perlu dilaporkan sepetimana yang berikut :

Khadijaimi I. 2006. Perbandingan faktor-faktor pemilihan tempat makan di kalangan pelancong tempatan dan pelancong asing di negeri Terengganu. Projek ilmiah tahun akhir, Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan), Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Terengganu 121p

Tiada bahagian dalam laporan ini boleh dikeluarkan samada secara mekanikal, fotografi, proses elektronik atau dalam bentuk lain tidak kira samada secara rakaman, pemindahan atau pemalsuan untuk kegunaan umum atau persendirian tanpa kebenaran daripada penulis atau penyelia projek ini.

1100089963

LP
12
JFM
3
2006

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


Tarikh: 15 JUN 2006

TMie

KHADIJAIMI BINTI IMAS
UK 9001

Disahkan Oleh,

Tarikh: 15 JUN 2006


EN. AZIZ BIN YUSOF
(Penyelia)

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir ini.

Jutaan terima kasih ditujukan buat penyelia saya, En. Aziz bin Yusof di atas tunjuk ajar, keprihatinan dan kesabaran beliau sepanjang menyelia kerja-kerja yang saya jalankan. Tanpa nasihat dan tunjuk ajar beliau sudah tentu projek penyelidikan ini tidak dapat saya jalankan dengan sempurna. Juga kalungan terima kasih buat kesemua pensyarah dan pegawai Jabatan Sains Makanan atas segala ilmu yang diberikan.

Buat keluarga tersayang, terima kasih tidak terhingga di atas segala dorongan, pengorbanan, kasih sayang dan doa yang tidak putus-putus diberikan. Khas buat rakan seperjuangan yang dikasihi, ribuan terima kasih di atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan. Budi baik anda semua tidak akan saya lupakan selagi hayat dikandung badan.

Tidak ketinggalan juga ucapan ini ditujukan kepada Encik Mohd. Fadzli, Encik Saad, Encik Syukri, Cik Suhaila serta Mr. A.J atas segala pertolongan dan khidmat yang dihulurkan semasa kajian ini dijalankan.

Akhir kata, terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah S.W.T. yang mampu membalas segala kebaikan yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan untuk membandingkan faktor-faktor pemilihan tempat makan oleh pelancong tempatan dan pelancong asing di negeri Terengganu. Seramai 160 orang responden yang terdiri daripada 80 orang pelancong tempatan dan 80 orang pelancong asing di 3 buah tempat terpilih di negeri Terengganu telah diambil secara rawak. Kaedah menemuramah dengan menggunakan borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden, pemilihan tempat makan responden dan faktor-faktor pemilihan tempat makan responden. Teknik persampelan yang digunakan adalah *purposive sampling*. Kajian mendapati bahawa restoran perkhidmatan penuh merupakan tempat makan yang sering dikunjungi bagi pelancong tempatan (40%) dan juga pelancong asing (60%). Faktor kebersihan (32.5%) merupakan faktor yang terpenting dalam pemilihan tempat makan oleh pelancong tempatan dan diikuti dengan faktor-faktor rasa makanan (25%), suasana dan persekitaran (30%), harga makanan (22.5%), kualiti perkhidmatan (27.5%) dan kepelbagaian menu (27.5%). Bagi pelancong asing pula faktor rasa makanan (36.3%) merupakan faktor terpenting dalam pemilihan tempat makan dan diikuti dengan faktor-faktor kebersihan (30%), harga makanan (25%), suasana dan persekitaran (26.3%), kualiti perkhidmatan (27.5%) dan kepelbagaian menu (36.3%). Terdapat perbezaan signifikan di antara faktor-faktor pemilihan dengan pendapat mengenai tempat makan di Terengganu oleh pelancong tempatan dan pelancong asing. Hasil ujian korelasi mendapati bagi pelancong tempatan terdapat hubungan yang tinggi di antara lingkungan umur 20-29 tahun terhadap faktor-faktor kepelbagaian menu, harga makanan serta suasana dan persekitaran, lingkungan umur 30-39 tahun pula mempunyai hubungan yang tinggi terhadap faktor kualiti perkhidmatan dan rasa makanan manakala lingkungan umur 40-49 tahun mempunyai pengaruh terhadap faktor kebersihan. Bagi pelancong asing pula lingkungan umur 20-29 tahun mempunyai hubungan yang kuat terhadap faktor-faktor kepelbagaian menu, harga makanan, suasana dan persekitaran serta faktor kebersihan, lingkungan umur 30-39 tahun pula mempunyai hubungan yang kuat terhadap faktor rasa makanan manakala lingkungan umur 40-49 tahun mempunyai hubungan yang kuat terhadap faktor kualiti perkhidmatan. Hubungan pendapatan pelancong tempatan yang kurang daripada RM1500 mempunyai hubungan yang kuat terhadap faktor harga makanan manakala pendapatan RM1501-RM2500 mempunyai hubungan yang kuat terhadap faktor-faktor kepelbagaian menu, suasana dan persekitaran, rasa makanan, kualiti perkhidmatan dan kebersihan. Bagi pelancong asing pula, pendapatan yang kurang daripada RM1500 mempunyai hubungan yang kuat terhadap faktor kepelbagaian menu, harga makanan, suasana dan persekitaran, rasa makanan dan kebersihan manakala pendapatan lebih daripada RM5501 mempunyai hubungan yang tinggi terhadap faktor kualiti perkhidmatan. Kesimpulannya, faktor kebersihan merupakan faktor yang paling diutamakan oleh pelancong tempatan manakala faktor rasa makanan merupakan faktor yang paling diutamakan oleh pelancong asing.

A STUDY ON DIFFERENT FACTORS INVOLVED IN CHOOSING A DINING PLACE BY BOTH LOCAL AND FOREIGN TOURIST IN TERENGGANU

'ABSTRACT

This descriptive survey was carried out to study the factors considered by local and foreign tourists when choosing dining places in Terengganu. 180 respondents, who are randomly selected, consisting of 80 local tourist and 80 foreign tourist were conducted in 3 selected places. A survey using questionnaires was used to obtain the background data of the respondent, dining places selected and the factors involved. The result showed that full service restaurant was the main dining place chosen by local tourist (40%) and foreign tourist (60%). According to the results, cleanliness was the most important factors in selecting the dining places by local tourist (32.5%) and followed by taste of the food (25%), environment (30%), price of food (22.5%), services (27.5%) and menu varieties (27.5%). For foreign tourist, taste of food (36.3%) was the most important factors in selecting the dining places followed by cleanliness (30%), price of food (25%), environment (26.3%), services (27.5%) and menu varieties (36.3%). There were differences between factors involved in selecting dining places and opinions among local and foreign tourist. Apart from that, local tourist around 20-29 years were found to be related to the certain factors which are menu varieties, price of food and environment, while 30-39 years were found to be related to services and taste of food factors. Else, local tourist who were among 40-49 years were found to be related to cleanliness factors. For foreign tourist around 20-29 years were found to be related to the certains factors which are menu varieties, price of food, environment and cleanliness. Besides, foreign tourist who were 30-39 years were found to related to taste of food while 40-49 years were related to service factor. The result showed that local tourist who were monthly income less than RM1500 found to be related to price of food while local tourist who had montly income more RM1501-RM2500 found to be related to almost factors except price of food. Differ to foreign tourist, who were had monthly income less than RM1500 were found to be related to all factors except service factor while foreign tourist who had monthly income more than RM5501 were found to be related to one factor only which is service. As a conclusion cleanliness was the main factor considered by local tourist while taste of food was the main factor considered by foreign tourist.